



**BERNAMA** Selasa, 29 Mei, 2012

### **Jabatan Audit Negara Meterai MoU Dengan SPRM**

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bakal melaksanakan program pertukaran pegawai di kedua-dua agensi.

Ia berikutan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) melibatkan Jabatan Audit Negara dan SPRM di Putrajaya hari Selasa.

Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang berkata program pegawai sangkutan itu adalah untuk memantapkan keupayaan dan kapasiti pegawai daripada segi teknik mengesan kewujudan amalan salah laku, rasuah, penyelewengan selain pelanggaran sistem dan prosedur serta tugas-tugasan harian.

"Keperluan pemantapan keupayaan dan kapasiti pegawai ini adalah wajar dalam mengambil kira kedudukan kedua-dua agensi ini, yang merupakan institusi penting negara dalam tugas-tugas berkenaan.

"Jabatan Audit telah merangka program yang serius supaya kedatangan pegawai SPRM di sini bermakna, berguna dan di akhir program ini nanti, pengetahuan yang telah mereka peroleh boleh diukur," katanya dalam satu kenyataan.

Ambrin menandatangani MoU itu bagi pihak Jabatan Audit manakala SPRM diwakili Ketua Pesuruhjayanya, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed.

Program pegawai sangkutan itu melibatkan penyertaan lima pegawai SPRM yang akan bertugas di Jabatan Audit manakala lima pegawai Jabatan Audit pula ditempatkan di SPRM.

Pegawai SPRM berpeluang melakukan aktiviti berkaitan audit selama enam bulan di Jabatan Audit sebagai satu usaha mempertingkat keupayaan dan menambah pengetahuan.

Sementara itu, pegawai Jabatan Audit pula akan mengikuti latihan yang membolehkan mereka meningkatkan kemahiran mengesan kesalahan rasuah dan salah guna kuasa dalam tugas pengauditan.

-- BERNAMA